



INTERNATIONAL RESEARCH
JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT
AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



**TINJAUAN AWAL PENERAPAN ELEMEN VARK DALAM
TEKNIK PEMBELAJARAN DAN HAFAZAN AL-QURAN DI
MALAYSIA**

*PRELIMINARY RESEARCH OF THE APPLICATION OF VARK ELEMENTS IN
LEARNING TECHNIQUES AND MEMORIZATION OF THE QURAN IN
MALAYSIA*

Siti Halimah Putung¹, Siti Nurul Aishah Abdul Hamid², Nur Shafiekah Sapan^{3*}, Siti Aishah Ramli⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: ct_ha5h@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: snaishah@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: nurshafiekah@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: siti.aishah@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.12.2023

Revised date: 25.12.2023

Accepted date: 14.01.2024

Published date: 01.03.2024

To cite this document:

Putung, S. H., Abdul Hamid, S. N. A., Sapan, N. S., & Ramli, S. A. (2024). Tinjauan Awal Penerapan Elemen Vark Dalam Teknik Pembelajaran Dan Hafazan Al-Quran Di Malaysia. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6 (15), 17-32.

DOI: 10.35631/IRJSMI.615002.

Abstrak:

Pengajian tahfiz kini menjadi pilihan ibu bapa bagi anak-anak mereka mendapatkan pendidikan. Kesedaran umat Islam mengenai kelebihan dan kebaikan yang diperolehi dari hafazan al-Quran mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah atau pusat-pusat tahfiz. Walau bagaimanapun mengambil aliran atau pengajian tahfiz tidak semudah yang disangkakan kerana proses penghafazan al-Quran memerlukan penumpuan dan disiplin yang tinggi. Lantaran itu, tidak sedikit pelajar tahfiz yang gagal menamatkan hafazan al-Quran mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Oleh itu, pemilihan metod dan gaya pembelajaran pelajar sangat penting bagi memastikan proses menghafaz al-Quran dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar boleh meningkatkan motivasi dan pencapaian prestasi pelajar. Strategi pembelajaran VARK misalnya terbukti dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu pelajaran termasuk dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen pembelajaran VARK dalam teknik pembelajaran dan hafazan al-Quran yang diaplikasi di pusat-pusat atau sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia. berdasarkan kepada kajian-kajian lepas. Kajian ini menggunakan metod

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kualitatif dalam menganalisis kajian-kajian lepas berkenaan isu ini. Berdasarkan analisis yang dibuat, kajian ini mendapati bahawa pusat dan sekolah tahfiz di Malaysia masih menerapkan teknik tradisional, meskipun begitu tiga elemen VARK turut diaplikasikan dalam teknik pembelajaran dan penghafazan al-Quran iaitu auditori, membaca dan menulis. Hasil kajian ini signifikan dalam membantu guru mengaplikasikan kaedah pembelajaran dan hafazan yang sesuai untuk memadankan gaya pembelajaran pelajar bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi pelajar dalam menghafaz al-Quran. Dapatan kajian juga dapat digunapakai dalam meneruskan kajian susulan untuk memahami lebih mendalam pengaplikasian kaedah VARK dalam meningkatkan proses penghafazan ayat-ayat Al-Quran di pusat-pusat dan sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia.

Kata Kunci:

Strategi Pembelajaran VARK, Teknik Hafazan, Al-Quran, Malaysia

Abstract:

Today, many Muslim parents choose to send their children to Tahfiz school to get an education. The benefit of memorizing the Quran encouraged Muslim parents to enrol their children in Tahfiz schools or centres. However, the process of memorizing the Quran is not as easy as it requires high concentration and discipline. As a result, many tahfiz students fail to complete the memorisation of the Quran according to the set period. This is why students need to have the right learning methods and styles to ensure the process of memorizing the Quran can be carried out effectively. Learning methods appropriate to students' learning styles can increase students' motivation and achievement. The VARK learning strategy, for example, has been proven to increase students' mastery of a subject, including memorizing the verses of the Quran. Therefore, based on previous studies done on this issue, this current study aimed to identify the elements of VARK in learning techniques and memorizing the Quran applied in Malaysian tahfiz centres and schools. The study used a qualitative method to identify these VARK elements by analysing the previous research. Based on the analysis, the study found that most Tahfiz centres and schools still applied the traditional method when teaching Quran memorisation however, the study also found that three elements of the VARK learning strategy were being applied namely, auditory, reading and writing. The result is significant for teachers to apply appropriate learning and memorisation methods to match student learning styles to improve students' ability and performance in memorising the Qur'an. Also, the results are advantageous for further research in understanding the VARK application in enhancing the Quran memorisation process in Tahfiz centres and schools in Malaysia.

Keywords:

VAR Learning Strategy, Memorisation Techniques, Al-Quran, Malaysia

Pengenalan

Al-Quran merupakan mukjizat dan wahyu dari Allah yang kekal relevan di setiap masa dan di setiap zaman. Isi kandungan al-Quran yang terdiri daripada 114 surah dan dibahagikan dengan 30 juzuk merangkumi setiap aspek kehidupan insan. Jika diteliti, terdapat aspek sejarah, kekeluargaan, politik, ekonomi, sosial, sains pada abad ke -21 ini, institusi yang menawarkan pembelajaran tahfiz di Malaysia, tumbuh dengan pesatnya. Institusi tahfiz ini dikelolakan sama ada di bawah kerajaan pusat, negeri atau secara persendirian. Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia merekodkan 612 pusat tahfiz di seluruh negara yang didaftarkan menerusi jabatan agama Islam negeri-negeri dan dianggarkan terdapat kira-kira 400 buah lagi institusi tahfiz yang tidak berdaftar (Hamdan Ismail, 2017).

Ramai ibu bapa kini memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat tahfiz kerana manfaat yang diperolehi dari hafazan al-Quran. Manfaat ini tidak hanya dinilai dari sudut agama bahkan dari segi akademik. Individu yang menguasai hafazan al-Quran dikatakan mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik (Muhaidi Mustaffa, Yusof Muhammad Fathi, Mohd Al'ikhsan Ghazali, & Siti Salwa Md Sawari, 2016; Nawaz & Jahangir, 2015). Hal ini disebabkan proses penghafalan al-Quran memerlukan penumpuan dan disiplin yang tinggi. Seorang hafiz Quran perlu melalui tiga peringkat hafazan iaitu peringkat pertama; menghafaz ayat-ayat baru (Hifz jadid), peringkat kedua; mengulang-ulang hafazan lepas (Sabaq) dan peringkat ketiga; mengekalkan hafazan yang sedia ada (Muraj'ah/T'adah) (Abdul Hafiz, Ajmain, Ismail, Azhar, & Idris 2000). Usaha seseorang individu dalam proses penghafazan akan menjadi lebih mudah jika setiap peringkat ini dapat dikuasai.

Justeru itu,

Dalam hal ini, pemilihan metod dan gaya pembelajaran pelajar sangat penting bagi memastikan proses menghafaz ayat-ayat al-Quran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Tenaga pengajar seharusnya memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai metod-metod penghafazan yang terkini dan lebih berkesan. Metod pembelajaran dan penghafazan al-Quran tidak seharusnya tertumpu perlu dipelbagaikan, tidak hanya berdasarkan kepada pengalaman guru semata-mata. Ini kerana pelajar berkemungkinan tidak dapat mengikuti teknik penghafazan yang diajarkan secara sempurna. Dalam kaitan ini, Azmil & Misnan (2014) mengatakan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar boleh meningkatkan motivasi dan pencapaian prestasi pelajar. Strategi pembelajaran VARK (Visual, Auditori, *Reading*, Kinestetik) misalnya, terbukti dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu pelajaran ini termasuklah pelajaran-pelajaran dalam bidang agama seperti pendidikan Islam, Quran dan Hadis (Yeni Kurnia (2015). Bahkan Nor Musliza et.al 2018 dalam kajiannya di salah sebuah Pusat Tahfiz di Malaysia mendapati pelajar-pelajar cenderung menerapkan gaya pembelajaran VARK semasa proses penghafalan al-Quran dan pelajar yang menerapkan gaya pembelajaran dominan dapat meningkatkan prestasi hafazan al-Quran. Teknik hafazan al-Quran (Per kata) didapati mempunyai persamaan dengan gaya pembelajaran VARK kerana melibatkan penggunaan pelbagai deria (Nor Musliza et.al 2016).

Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk menganalisis elemen pembelajaran VARK dalam proses pembelajaran dan hafazan Quran berdasarkan kaedah dan strategi sedia ada yang dipraktikkan di pusat-pusat atau sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia. Dengan itu, kaedah dan strategi pembelajaran dan penghafazan al-Quran di pusat-pusat dan sekolah-sekolah tahfiz dapat dikenal pasti dan dipelbagaikan berdasarkan kecenderungan gaya pembelajaran pelajar.

Objektif Kajian

Terdapat dua objektif utama kajian ini iaitu;

1. Mengetahui kaedah dan teknik hafazan al-Quran yang dipraktikkan di Malaysia.
2. Menganalisis elemen VARK dalam proses pembelajaran dan hafazan al-Quran di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian lepas telah memperlihatkan keupayaan Strategi VAK atau VARK dalam pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan pelajar terhadap sesuatu pelajaran. Strategi pembelajaran yang memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar dan mengambil kira kecenderungan gaya belajar pelajar dapat memotivasikan pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran. Ini termasuk pembelajaran melibatkan subjek-subjek agama. Penerapan model pembelajaran VAK dalam pembelajaran al-Quran dan hadis misalnya telah berjaya meningkatkan penguasaan pelajar terhadap subjek tersebut (Yeni Kurnia (2015). Penerapan strategi VAK juga berkesan dalam meningkatkan kebolehan menterjemah al-Quran bagi pelajar-pelajar yang bermasalah dalam pembelajaran (Zulmeyetri, 2023). Tidak hanya itu, penerapan strategi VAK dalam pembelajaran juga menghasilkan inovasi dalam pembelajaran al-Quran yang efektif dan menyeronokkan serta memberi impak positif dalam proses hafalan terutama kepada kanak-kanak pra sekolah (Mohd Zin et.al, 2021). Pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran dominan semasa proses menghafaz al-Quran dapat meningkatkan prestasi hafazan al-Quran (Nor Musliza et.al 2016). Hal yang demikian menunjukkan penerapan strategi VAK tidak hanya memberi pengaruh positif terhadap penguasaan dan prestasi pelajar dalam pembelajaran bahkan dalam proses menghafaz al-Quran. Kaedah pembelajaran yang menggunakan pelbagai deria dapat membantu pelajar menghafaz al-Quran. Penggunaan pelbagai deria dalam menghafaz al-Quran dapat meningkatkan daya ingatan berbanding dengan penggunaan satu deria sahaja. Kaedah menghafaz yang efektif perlu melibatkan penggunaan pelbagai deria antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis ayat al-Quran (Al-Na`miy, 1994).

Lantaran itu, strategi pembelajaran VARK ini dijadikan asas dalam membangunkan modul pendidikan tahfiz (Ahmad Bazli et.al 2017) dan dalam mereka bentuk aplikasi pembelajaran hafazan al-Quran (Nor Musliza et.al). Dapatan kajian Nor Musliza et.al 2018 mendapati pelajar-pelajar tahfiz ada kecenderungan menerapkan gaya pembelajaran VARK melalui amalan dan teknik hafalan yang berbeza-beza semasa proses penghafalan al-Quran. Teknik hafalan al-Quran (Per kata) didapati mempunyai persamaan dengan gaya pembelajaran VARK kerana melibatkan penggunaan pelbagai deria.

(TNR, 12, single spacing, justify)

Gaya Pembelajaran VARK

Gaya pembelajaran adalah satu konsep yang digunapakai dalam psikologi dan pendidikan. Duff (2000) menyatakan bahawa gaya pembelajaran bertujuan untuk mengenal pasti cara mempelajari sesuatu topik dengan lebih berkesan dengan mengambilkira faktor kognitif, afektif dan psikologi. Menurut Norasmah dan Hasril (2010), salah satu model gaya pembelajaran yang sering digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah model VARK (diubah suai daripada model VAK). Model VARK yang dibangunkan oleh Neil D. Fleming 1987 merupakan gaya pembelajaran yang menekankan pengalaman dan penyesuaian gaya pembelajaran berdasarkan kemampuan pelajar. Model VARK merupakan salah satu konsep pembelajaran yang membahagikan cara pembelajaran pelajar kepada empat klasifikasi berbeza iaitu visual, auditori, membaca/menulis, dan kinestetik.

Fleming (2006) telah menerangkan empat klasifikasi cara pembelajaran pelajar berdasarkan deria yang berbeza seperti berikut:

1. Pelajar dalam klasifikasi visual cenderung untuk memahami pembelajaran melalui mentafsir carta, rajah graf dan gambar.

2. Pelajar dalam klasifikasi auditori (aural) cenderung untuk mendapatkan input melalui perbincangan dan mendengar.
3. Pelajar dalam klasifikasi membaca/menulis cenderung untuk menerima dan mentafsir maklumat bercetak.
4. Pelajar dalam klasifikasi kinestetik cenderung untuk memahami pembelajaran berdasarkan tingkah laku seperti sentuhan, rasa, lihat, dan dengar.

Berdasarkan penerangan klasifikasi tersebut, dapat dilihat bahawa model VARK dapat digunakan membantu pelajar dengan keupayaan pemahaman dan penerimaan yang berbeza untuk pembelajaran yang lebih produktif. Gaya pembelajaran berasaskan model VARK juga dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk meneroka pengetahuan sendiri mengikut keupayaan masing – masing yang mana dapat meningkatkan kefahaman dan keseronokan dalam kalangan pelajar (Murphy et. al, 2004). Norasmah dan Hasril (2010) dalam kajian mereka telah menghuraikan gaya pembelajaran model VARK dengan lebih terperinci.

Mod Visual

Dalam gaya pembelajaran visual, pelajar cenderung kepada melihat sesuatu warna, gambar, jadual, gambarajah, carta sama ada di dalam buku di papan hitam atau paparan komputer. Murphy et al (2004) dalam Norasmah dan Hasril menambah bahawa pelajar visual juga cenderung menggunakan alat simbolik seperti graf, carta alir, hierarki, model, dan anak panah yang mewakili maklumat bercetak dalam pembelajaran mereka dan mereka dapat membuat penerangan mengenai sesuatu konsep kepada orang lain melalui gambar atau lukisan. Pelajar biasanya dapat menerima proses pembelajaran melalui penerangan dan demonstrasi; mereka gemar menggunakan senarai untuk menyusun idea dan maklumat yang dipelajari (Norasmah dan Hasril, 2010). Oleh itu, Piping (2005) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan visual dalam menggunakan gambar, ilustrasi dan model biasanya cenderung untuk menjadi lebih kreatif dan imaginatif. Drago dan Wagner (2004) dalam Norasmah dan Hasril turut menyatakan bahawa kebiasaannya suara atau bunyi bising tidak mengganggu penerimaan pelajar dalam kategori ini, walaupun bagaimanapun, pergerakan dan perbuatan asing boleh menyebabkan mereka berubah atau hilang fokus.

Mod Auditori (Aural)

Dalam gaya pembelajaran auditori (aural), pelajar cenderung belajar melalui mendengar seperti bunyi, muzik, nada, irama, suara, arahan atau penerangan secara lisan. Hal ini kerana mereka lebih mudah untuk mempelajari sesuatu dengan mendengar (Drago & Wagner 2004). Menurut Norasmah dan Hasril (2010) pelajar ini lebih suka mendengar daripada menulis nota; mereka akan memberikan tumpuan sepenuhnya maklumat berbentuk audio semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, mereka selalunya akan membincangkan topik yang telah dipelajari untuk menjelaskan pemahaman mereka. Miller (2001) dalam Norasmah dan Hasril (2010) menerangkan bahawa pelajar dalam mod auditori boleh mengingat maklumat melalui bacaan atau mulut yang kuat apabila membaca, terutamanya apabila mempelajari sesuatu yang baru; mereka juga dapat mengingat maklumat dengan mendengar semula rakaman pita audio, mengajar orang lain atau berbincang dengan guru. Pelajar aural biasanya mempunyai perbendaharaan kata yang luas, boleh menulis cerita, puisi atau surat dengan baik, dapat mengeja dengan lancar belajar bahasa asing dengan mudah, dan memiliki kebolehan yang kuat dalam mengingat maklumat (Armstrong, 2004). Walaupun bagaimanapun, Drago dan Wagner (2004) dalam Norasmah dan Hasril menyatakan bahawa bunyi bising mudah mengganggu perhatian dan tumpuan pelajar dalam kategori auditori (aural).

Mod Membaca/Menulis

Pelajar yang mempunyai kecenderungan membaca/menulis lebih suka mendapatkan maklumat dalam bentuk teks yang mengandungi perkataan, ayat, perenggan atau wacana. Norasmah dan Hasril (2010) menerangkan bahawa pelajar ini berkeupayaan menggunakan perkataan dan teks bercetak sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat; mereka akan menyusun senarai, glosari, buku teks, nota kuliah atau edaran. Murphy et al. (2004) turut menambah bahawa pelajar mod ini biasanya akan menyusun nota ke dalam bentuk lakaran, menulis semula nota kepada ringkasan dan mengulangkaji soalan peperiksaan aneka pilihan Dalam erti kata lain, pelajar dalam mod membaca/menulis selalunya akan belajar dengan lebih baik dengan membaca maklumat yang ingin difahami lalu menulis atau mencatat semula maklumat tersebut dalam bentuk nota padat dan ringkas.

Mod Kinestetik

Pelajar dalam mod kinestetik pula cenderung belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara praktikal dalam aktiviti pembelajaran seperti gerakan, tanggapan emosi, tindakan fizikal dan emosi. Norasmah dan Hasril (2010) menyatakan bahawa mod kinestetik melibatkan gabungan pelbagai fungsi deria dalam proses pembelajaran melalui pengalaman dan amalan. Dalam pada itu, Drago and Wagner (2004) dalam Norasmah dan Hasril menerangkan bahawa pelajar yang memiliki kecerdasan kinestetik selalunya aktif, lebih gemar bergerak dan menggunakan sentuhan, pergerakan, dan interaksi dengan persekitaran mereka.

Oleh itu, adalah mudah bagi mereka mempelajari kemahiran fizikal, berfikir/mengingat sesuatu topik sambil bergerak, berprestasi baik dalam bidang sukan tertentu serta mempunyai koordinasi dan kebolehan yang tinggi tentang tempo (Armstrong, 2004). Gaya pembelajaran VARK memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar secara bebas dan kreatif mengikut kemampuan dan kecenderungan masing-masing bagi mencapai pemahaman dan pembelajaran yang lebih efektif. Ini kerana pembelajaran menggunakan model gaya pembelajaran VARK melibatkan dan mengaktifkan pacaindera penglihatan, pendengaran dan pergerakan. Piping (2005) dalam Norasmah dan Hasril (2010) juga telah membuktikan bahawa gaya pembelajaran VARK dapat meningkatkan kefahaman serta menimbulkan motivasi dan minat belajar dalam kalangan pelajar. Pelajar dapat mempraktikkan pengalamannya secara langsung sehingga pelajar lebih mengingat dan memahami apa yang dilihat, didengar dan dilakukannya. Ini menyebabkan hasil pembelajaran lebih baik dan mampu dicapai berbanding dengan pelajar yang menggunakan pembelajaran secara konvensional (Nor Musliza & Mokmin Basri, 2016).

Metodologi

Kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap penerapan elemen VARK dalam proses pembelajaran dan penghafazan al-Quran di Malaysia berdasarkan kajian-kajian lepas. Oleh itu, analisis dokumentasi berkaitan strategi, kaedah dan teknik pembelajaran dan penghafazan al-Quran di Malaysia dilakukan.

Hasil Dapatan

Kaedah Dan Teknik Hafazan Al-Quran Di Malaysia

Perkembangan kemunculan pengajian tahfiz di negeri-negeri dalam Malaysia kian bercambah sama ada di bawah sekolah swasta atau sekolah rakyat. Setiap institusi pengajian tahfiz ini bebas menggunakan kurikulum dan kaedah pengajaran dari negara luar berdasarkan latar belakang pendidikan tenaga pengajar berkenaan (Aznil et al., 2014). Terdapat pelbagai kaedah

dan teknik hafazan yang diperkenalkan bertujuan untuk mengukuhkan hafazan mengikut kesesuaian dan tahap pelajar. Aspek pengetahuan, pengalaman dan amalan pedagogi dalam kalangan tenaga pengajar membawa kepada kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Antara kaedah pembelajaran dan hafazan yang digunakan ialah;

1. Kaedah Tahfiz Akhyar untuk komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) khususnya komuniti pekak untuk menghafaz al-Quran. Teknik hafazan dalam Kaedah Akhyar ini memperkenalkan kaedah memvisualisasikan ayat hafazan dalam bentuk permainan *puzzle*. Pelajar diminta untuk menyusun potongan kalimah atau ayat daripada surah yang dihafal mengikut turutan yang betul. Selain itu, kaedah Tahfiz Akhyar ini menekankan pembelajaran secara visual dengan menggunakan imej visual interaktif serta imej-imej pegun dan visual bergerak (Siti Ramna & Nurul Asiah Fasehah, 2021).

2. Kaedah Hafazan yang diterapkan di Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat). Pelajar diwajibkan menghafaz bermula dari juzuk 30 kemudian barulah juzuk 1 iaitu sebanyak 6 juzuk setahun. Sebelum pelajar memperdengarkan hafazan kepada guru, pihak tahfiz telah menyediakan beberapa teknik hafazan yang perlu mereka ikuti iaitu perlu membawa mushaf sendiri, buku rekod hafazan dan mushaf tahriri. Melalui mushaf tahriri ini, pelajar perlu menyalin semula ayat al-Quran dengan menggunakan tulisan tangan iaitu mengikut muka surat yang mereka ingin tasmik iaitu ayat dalam hafazan baharu pelajar (Abd. Aziz et al., 2021).

3. Kaedah Hafazan Moden al-Bahgdadi yang digunakan di Al-Bahgdadi Learning Centre (ALC) merupakan cetusan idea Ustaz Jalaluddin al-Bahgdadi. Antara teknik hafazan Nadi al-Bahgdadi ini ialah pelajar diperdengarkan bacaan ustaz sebanyak 3 kali sambil melihat dan merujuk bahan khas yang diberikan. Kemudian pelajar akan mengikut semula bacaan tersebut sebanyak 3 kali. Setelah itu, pelajar akan mengulang semula bacaan tersebut secara berkumpulan sebanyak 3 kali. Di samping itu juga, kaedah ini menggunakan bahan bantuan belajar berwarna, bergambar dan peta minda terutamanya dalam kalangan hafiz kanak-kanak (Mohd Ikram et al., 2019).

4. Kolej Permata Insan menggunakan pendekatan kaedah hafazan Luh daripada Mekah iaitu menghafaz mengikut tema tertentu bagi surah-surah yang panjang. Modul pendidikan hafazan al-Quran di kolej ini dilaksanakan mengikut proses tertentu. Pada awalnya pelajar diminta untuk menyemak ketepatan bacaan beserta tajwid yang betul di hadapan guru mengikut tema yang diberikan. Setelah itu, pelajar akan menghafaz ayat tersebut dan memahami makna ayat yang dihafaz. Kemudian pelajar akan memperdengarkan ayat hafazan di hadapan guru dan menghuraikan makna umum ayat. Setelah selesai menghafaz ayat, pelajar diminta pula untuk mengingat terjemahan makna bagi perkataan-perkataan terpilih dan menulisnya dalam kertas tahriri dan membuat semakan selanjutnya di hadapan guru. Pelajar yang telah berjaya melalui proses ini akan sentiasa melakukan *murajah* (ulangkaji) sendiri dengan diawasi oleh pihak guru (Ahmad Bazli et al., 2017).

5. Amalan hafazan yang dipraktikkan di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTAQ), Pulau Condong, Kelantan ialah mewajibkan pelajar terlebih dahulu mendengar dengan teliti sebutan dan bacaan guru. Setelah itu, itu pelajar pula akan membaca kembali ayat al-Quran tersebut sambil guru memperbetulkan bacaan mereka. Sebelum berhadapan dengan guru, pelajar akan membaca ayat-ayat hafazan di hadapan rakan mereka untuk memastikan tidak berlakunya kesalahan pada sebutan huruf, hukum tajwid dan sifat hurufnya. Sistem hafazan yang diamalkan di MTAQ diatur mengikut bilangan juzuk setiap tingkatan kelas. Pelajar tingkatan

1 perlu menghafaz sebanyak enam juzuk termasuk juzuk ke-30. Manakala bagi pelajar tingkatan 2 dan 3 dikehendaki untuk menghafaz lapan juzuk. Pelajar tingkatan 4 pula diwajibkan untuk menghafaz sebanyak 6 juzuk dan seterusnya pelajar tingkatan 5 perlu menghafaz baki dua juzuk terakhir. Semasa pelajar berada di tingkatan 6, mereka akan melalui proses pengulangan untuk kesemua juzuk di dalam al-Quran. Pelajar akan memperdengarkan hafazan mereka di hadapan guru setelah selesai menghafaz setiap juzuk daripada al-Quran. Pelajar juga diwajibkan untuk menulis ayat-ayat hafazan dalam buku tulisan ayat yang disediakan oleh pihak maahad (Amran et al).

6. Kaedah Hafazan Sistem India dan Pakistan di Madarasatul Quran, Kubang Bujuk, Terengganu. Di Madarasatul Quran, Kubang Bujuk (MQKB), kelas pengajian tahfiz dijalankan dalam dewan yang terdiri daripada beberapa kumpulan kelas. Setiap kumpulan terdiri daripada 20 pelajar dan seorang guru yang duduk dalam keadaan halaqah berbentuk segi empat. Pada kebiasaannya, di MQKB, kaedah menghafaz al-Quran bermula dari juzuk 1 hingga 30. Walau bagaimanapun, kaedah menghafaz al-Quran bermula dari juzuk ke-30 juga dilaksanakan. Setelah selesai menghafaz juzuk ke-30, pelajar akan kembali menghafaz juzuk pertama, kedua, dan seterusnya. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan pelajar menghafaz al-Quran dengan surah yang pendek terlebih dahulu, diikuti oleh surah yang panjang. Di MQKB, kaedah *khatam sabaq* digunakan, setiap hari pelajar menghafaz hafazan baharu sebanyak satu hingga tiga muka surat sehingga tamat 30 juzuk. Setiap pelajar akan melancarkan ayat yang ingin dihafaz secara bersendirian terlebih dahulu, kemudian mereka akan memperdengarkan bacaan kepada rakan sekelas. Kaedah semak bacaan atau tasmik digunakan untuk memastikan bacaan mereka betul. Setelah kesalahan diperbaiki, pelajar akan memperdengarkan bacaan kepada guru (Amran et al).

7. Kaedah-kaedah hafazan al-Quran pelajar Darul Quran JAKIM dibahagikan kepada lapan kaedah. Pertama; kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Pada awalnya pelajar akan mendengar bacaan guru dan setelah itu pelajar dikehendaki memperdengarkan/ tasmik hafazan mereka kepada guru. Kedua; kaedah *takrir* iaitu mengulang bacaan sama ada menyemak hafazan bersama kawan, membaca ayat hafazan dalam setiap solat dan juga menyediakan jadual hafazan dan ulangan. Ketiga; kaedah *tahsin* iaitu mengulang hafazan serta menjaga bacaan daripada kesalahan baris, sifat huruf dan hukum tajwid bagi setiap ayat yang dihafaz. Keempat; kaedah tafsiran dan menulis. Pelajar akan membaca terjemahan dan memahami makna ayat sepenuhnya sebelum memulakan hafazan. Pelajar juga perlu menulis ayat hafazan sebelum dan selepas menghafaznya. Kelima; kaedah Chunking iaitu membahagi dan menentukan ayat yang ingin dihafaz serta menetapkan kadar ayat hafazan mengikut kemampuan. Keenam; kaedah Minda Fotografi iaitu pelajar akan menggambarkan ayat hafazan mereka dalam ingatan. Dan yang terakhir kaedah multimedia iaitu pelajar akan menghafaz sambil mendengar audio seterusnya merakam suara bagi menyemak hafazan mereka (Abd Rahman et al., 2017).

8. Teknik hafazan al-Quran Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu. Teori al-Ghawthani dalam hafazan al-Quran dijadikan landasan kepada metode hafazan di Sekolah Imtiaz. Terdapat beberapa kaedah hafazan yang diamalkan di Imtiaz. Kaedah pertama ialah kaedah ulangan (*takrir*) iaitu pelajar perlu membaca berulang kali ayat yang sama sehingga mereka mampu mengingati ayat tersebut dengan baik serta memelihara hukum tajwid. Setelah mereka yakin bahawa hafazan itu telah lancar, barulah berpindah kepada bacaan atau hafazan ayat yang baharu. Kaedah *takrir* ini perlu dilakukan dengan suara yang boleh didengar dan diulang sebanyak yang diperlukan. Kaedah kedua ialah halaqah iaitu aktiviti menghafaz di dalam kumpulan seramai 10 hingga 15 pelajar sambil diawasi oleh guru tasmik. Setiap pelajar akan

direkod kehadiran mereka dan dicatat bacaan di dalam Rekod Talaqqi Halaqah al-Quran. Kaedah ketiga ialah *talaqqi* iaitu mempelajari bacaan al-Qur'an secara bertajwid, membetulkan bacaan. Setiap bacaan pelajar akan diperbetulkan terlebih dahulu oleh guru sebelum proses menghafaz. Pelajar juga akan mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru. Kaedah keempat ialah *tasmik* iaitu proses memperdengarkan hafazan pelajar kepada guru. *Tasmik* dilakukan untuk menyemak bacaan hafazan ayat lama dan baharu di hadapan guru. Kaedah kelima ialah *muraja'ah* bermaksud mengulangkaji pembelajaran atau hafazan yang lepas bertujuan untuk semakan dan pengukuhan. Kaedah keenam ialah fiqh ayat iaitu pelajar perlu memahami maksud dan kandungan ayat yang dibaca. Pelajar mampu memberikan tumpuan yang lebih terhadap ayat yang dihafaz apabila mereka memahami setiap makna perkataan dan ayat yang dibaca. Kaedah ketujuh ialah kaedah gundal iaitu bermaksud kekerapan. Pelajar perlu menulis dan menyalin semula setiap ayat yang dihafaz di dalam buku *hifz tahriri* atau *kitabah* mengikut jumlah kekerapan yang disasarkan (1 ayat 1 muka surat selama 30 minit). Kaedah terakhir adalah kaedah *taqsim* iaitu membahagikan muka surat dalam lembaran al-Quran sebelum memulakan hafazan. Teknik ini akan membahagikan setiap halaman al-Quran kepada tiga bahagian (Wan Ahmad Zakry et al., 2020).

9. Kaedah hafazan Tahfiz al-Quran Darul Tuba di Tangkak Johor, Darul Takzim menggunakan sistem hafazan Turki. Sistem hafazan menggunakan sistem Turki ini mengamalkan hafazan al-Quran dengan memulakan tasmik hafazan juzuk 1 di muka surat akhir yang dinamakan juga *sayfar* 1. Setiap hafazan pelajar akan dicatat dan ditandatangani oleh guru di dalam buku laporan hafazan disebut sebagai *cizelge* dalam bahasa Turki. Teknik sistem Turki ini mampu mengurangkan rasa jemu menghafaz kerana tidak tertumpu pada sesuatu juzuk terlalu lama. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk mengikuti kelas ulangan dan membuat ulangan (*has*) sebelum menghadapi *imtihan syahadah* yang bertujuan untuk memantapkan mutu bacaan dan hafazan (Abdul Hafiz & Norhanan, 2017).

10. Kaedah menghafaz al-Quran di Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg. Tengah, Kluang. MTQDT telah menggunakan sistem Bangladesh iaitu mempraktikkan hafazan secara juzuk demi juzuk sehingga hafazan lancar. Kaedah yang digunakan seperti kaedah *talaqqi*, *musyafahah*, *takrir* dan *tasmik*. Kaedah *talaqqi* adalah bermaksud pelajar akan melakukan bacaan dan hafazan di hadapan guru bagi menyemak dan memperbaiki segala kekurangan bacaan dan hafazan tersebut. Manakala, kaedah *musyafahah* pula adalah kaedah di mana pelajar akan mengikuti pergerakan bibir guru serta mencuba menyebut sepertimana guru sambil memperhatikan ketepatan penuturan, sebutan, makhraj huruf dan sifat huruf. Kaedah *tasmik* pula adalah pelajar akan memperdengarkan hafazan baharu kepada guru. Melalui kaedah ini guru akan merekod seterusnya mengesan tahap pencapaian hafazan pelajar dari masa ke semasa. Seterusnya adalah kaedah kefahaman iaitu pelajar akan memahami dan menghayati lebih mendalam maksud isi kandungan al-Quran melalui terjemahan, tafsiran dan *asbab al-nuzul* bagi setiap ayat yang dihafaz. Kaedah yang terakhir adalah kaedah penulisan iaitu pelajar akan menulis setiap perkataan yang dihafaz berulang kali sehingga mereka mampu menguasai hafazan tersebut. Kaedah penulisan ini dapat membantu pelajar dalam penilaian soalan ujian dan peperiksaan (Abdul Hafiz & Nur Safazilah, 2016).

11. Sekolah Nur Islam Al-Azhar (SINAR) mempraktikkan lima teknik hafazan al-Quran. Teknik yang pertama ialah teknik mengulang-ulang bacaan dan ayat hafazan berserta terjemahan per perkata sebanyak 10 kali ataupun lebih mengikut ayat yang ditetapkan oleh guru. Teknik kedua ialah teknik mendengar iaitu mendengar bacaan guru serta mengikut bacaan tersebut sehingga pelajar dapat mengingati dengan baik. Teknik ketiga ialah teknik

pembahagian ayat dan terjemahan per kata. Pelajar akan memisahkan ayat al-Quran dan terjemahannya kepada beberapa bahagian kemudian menyusunnya mengikut turutan yang betul. Teknik keempat ialah teknik penulisan iaitu pelajar akan menulis semula setiap ayat, terjemahan dan per kata yang telah dihafaz. Setelah itu, pelajar akan menyemak penulisan mereka sambil merujuk kembali ke dalam mushaf yang digunakan. Teknik kelima ialah teknik menghafaz dengan rakan iaitu membaca dan menyemak hafazan bersama rakan, bertujuan untuk mengukuhkan dan memperbetulkan hafazan (Siti Mursyidah et al., 2018).

Penerapan Elemen Pembelajaran Vark Dalam Teknik Pembelajaran Dan Hafazan Al-Quran

Penelitian terhadap teknik pembelajaran dan hafazan tahfiz di atas, didapati elemen pembelajaran berasaskan VARK (visual, auditory, reading & writing, kinestetik) ada diterapkan. Perincian teknik dan elemen pembelajaran yang terlibat dapat ditunjukkan sebagaimana dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Elemen Pembelajaran VARK dalam Teknik Pembelajaran dan Hafazan Al-Quran

Elemen Vark	Teknik Pembelajaran dan Hafazan Al-Quran	Sekolah / Program
Visual	1. Memvisualisasikan ayat hafazan dalam bentuk permainan <i>puzzle</i>	komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU)
	2. Kaedah Tahfiz Akhyar ini menekankan pembelajaran secara visual dengan menggunakan imej visual interaktif serta imej-imej pegun dan visual bergerak	
Auditori	1. Menggunakan bahan bantuan belajar berwarna, bergambar dan peta minda terutamanya dalam kalangan hafiz kanak-kanak	Al-Baghdadi Learning Centre (ALC)
	2. Kaedah Minda Fotografi iaitu pelajar akan menggambarkan ayat hafazan mereka dalam ingatan	Darul Quran JAKIM
	1. Pelajar diperdengarkan bacaan ustaz sebanyak 3 kali	Al-Baghdadi Learning Centre (ALC)
	2. Mengulang semula bacaan tersebut secara berkumpulan sebanyak 3 kali.	Kolej Permata Insan
	1. Pelajar kemudiannya akan mentasmi' hafazan mereka di hadapan guru dan menghuraikan makna umum ayat.	Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTAQ), Pulau Condong, Kelantan
	1. Mewajibkan pelajar terlebih dahulu mendengar dengan teliti sebutan dan bacaan guru.	Madarasatul Quran, Kubang Bujuk, Terengganu
	2. Pelajar akan membaca ayat-ayat hafazan di hadapan kawan mereka	
	3. Pelajar akan memperdengarkan hafazan mereka di hadapan guru	
	1. Setiap pelajar akan memperdengarkan bacaan kepada rakan sekelas. Kaedah semak bacaan atau tasmi' digunakan untuk memastikan bacaan mereka betul.	Darul Quran JAKIM
	1. Mendengar bacaan guru dan setelah itu pelajar perlu tasmi' hafazan mereka kepada guru.	
2. Kaedah takrir iaitu mengulang bacaan sama ada menyemak hafazan bersama kawan		

	3. Pelajar akan menghafaz sambil mendengar audio seterusnya merakam suara bagi menyemak hafazan mereka	
	1. Aktiviti menghafaz di dalam kumpulan seramai 10 hingga 15 pelajar sambil diawasi oleh guru tasmī’.	Sekolah Imtiaz Terengganu
	2. Mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru.	
	1. Memulakan tasmī’ hafazan juz’ 1 di muka surat akhir yang dinamakan juga sayfar 1 (pendekatan pengajaran)	Tahfiz al-Quran Darul Tuba di Tangkak Johor, Darul Takzim
	1. Kaedah musyafahah pula adalah kaedah di mana pelajar akan mengikuti pergerakan bibir guru serta mencuba menyebut sepertimana yang dibacakan guru tadi sambil memperhatikan ketepatan penuturan, sebutan, makhraj huruf dan sifat huruf.	Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta’alim, Kg. Tengah, Kluang.
	2. Kaedah tasmī’ pula adalah pelajar akan memperdengarkan hafazan baru kepada guru	
	1. Teknik mendengar iaitu mendengar bacaan guru serta mengikut bacaan tersebut sehingga pelajar dapat mengingat dengan baik	Sekolah Nur Islam Al-Azhar (SINAR)
	1. Teknik menghafaz dengan rakan iaitu membaca secara hafazan ayat dan menyemak hafazan bersama rakan bertujuan untuk mengukuhkan dan memperbetulkan hafazan	Sekolah Nur Islam Al-Azhar (SINAR)
Reading (Membaca) a)	1. Pelajar diperdengarkan bacaan ustaz sebanyak 3 kali sambil melihat dan merujuk bahan khas yang diberikan.	Al-Baghdadi Learning Centre (ALC)
	2. Kemudian pelajar akan mengikut semula bacaan itu sebanyak 3 kali.	
	3. Mengulang semula bacaan tersebut secara berkumpulan sebanyak 3 kali.	
	1. Pelajar diminta untuk menyemak ketepatan bacaan beserta tajwid yang betul di hadapan guru	
	1. Pelajar pula akan membaca kembali ayat al-Quran tersebut sambil guru memperbetulkan bacaan mereka.	Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTAQ), Pulai Condong, Kelantan
	1. Setiap pelajar akan melancarkan ayat yang ingin dihafaz secara bersendirian terlebih dahulu,	Madarasatul Quran, Kubang Bujuk, Terengganu
	1. Pelajar perlu membaca berulang kali pada ayat yang sama sehingga mereka mampu mengingat dengan baik berserta memelihara hukum tajwid	Sekolah Imtiaz Terengganu

Writing (Menulis)	1. Teknik mengulang-ulang bacaan dan ayat hafazan berserta terjemahannya per perkata	Sekolah Nur Islam Al-Azhar (SINAR)
	1. Melalui Mushaf Tahriri ini pelajar perlu menyalin semula ayat al-Quran dengan menggunakan tulisan tangan iaitu mengikut muka surat yang mereka ingin tasmii' iaitu ayat dalam hafazan baharu pelajar	Sekolah Menengah/ Maahad Hafiz Jeram (Banat)
	2. Menulis ayat-ayat hafazan dalam buku tulisan ayat yang disediakan oleh pihak maahad	Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTAQ), Pulai Condong, Kelantan
	1. Mengingati terjemahan makna bagi perkataan-perkataan terpilih dan menulisnya dalam kertas tahriri dan membuat semakan selanjutnya di hadapan guru.	
	2. Pelajar juga perlu menulis ayat hafazan sebelum dan selepas menghafaznya.	Darul Quran JAKIM
	1. Menulis dan menyalin semula setiap ayat yang dihafaz di dalam buku hifz tahriri atau kitabah mengikut jumlah kekerapan yang disasarkan (1 ayat 1 muka surat selama 30 minit	Sekolah Imtiaz Terengganu
	1. Pelajar akan menulis setiap perkataan yang dihafaz berulang-ulang kali sehingga mereka mampu menguasai hafazan tersebut. Kaedah penulisan ini dapat membantu pelajar dalam penilaian soalan ujian dan peperiksaan	Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg. Tengah, Kluang
	1. Teknik penulisan iaitu pelajar akan menulis semula setiap ayat, terjemahan dan per kata yang telah dihafaz	Sekolah Nur Islam Al-Azhar (SINAR)

Daripada jadual di atas dapat dilihat elemen-elemen pembelajaran VARK (*visual, auditory, reading & writing, kinesthetic*) diterapkan dalam teknik pembelajaran dan penghafazan ayat-ayat al-Quran kecuali kinestetik. Gaya pembelajaran auditori yang menggunakan deria pendengaran paling banyak diterapkan dalam teknik pembelajaran dan teknik hafazan para pelajar. Antara teknik dalam kategori ini ialah pelajar mendengar sebutan dan bacaan guru serta mengikut bacaan guru sehingga pelajar dapat mengingatinya dengan baik, pelajar menghafaz sambil mendengar audio, pelajar memperdengarkan (tasmik) ayat hafazan di hadapan guru, menyemak hafazan bersama rakan dan merakam suara bagi menyemak hafazan.

Selain itu, gaya pembelajaran yang paling banyak diterapkan selepas gaya pembelajaran auditori ialah membaca (*reading*). Antara teknik tersebut ialah pelajar mengikut semula bacaan guru secara individu, pelajar mengulang semula bacaan guru secara beramai-ramai (berkumpulan), pelajar membaca ayat-ayat hafazan di hadapan rakan, menyemak ketepatan bacaan dan tajwid di hadapan guru, membaca terjemahan dan memahami makna ayat sepenuhnya, membaca berulang kali ayat yang sama sehingga dapat mengingati ayat tersebut, mengulang-ulang bacaan dan hafazan serta membaca ayat hafazan dalam solat.

Seterusnya, gaya pembelajaran yang banyak diterapkan dalam teknik pembelajaran dan penghafazan ayat-ayat al-Quran ialah menulis (writing). Contohnya pelajar menulis ayat hafazan atau ayat yang ingin ditasmik dan menulis semula ayat yang telah dihafaz.

Sementara gaya pembelajaran yang paling kurang popular atau kurang diterapkan dalam teknik pembelajaran dan penghafazan ayat-ayat al-Quran ialah gaya pembelajaran visual. Walau bagaimanapun terdapat pusat atau sekolah tahfiz yang cuba menerapkan gaya pembelajaran secara visual dengan menggunakan bahan bantuan belajar berwarna, bergambar dan peta minda. Selain itu, menggunakan imej visual interaktif serta imej-imej pegun dan visual bergerak serta menggambarkan ayat hafazan dalam ingatan (minda fotografi) antara teknik yang digunakan yang dapat menarik pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran visual.

Kesimpulan

Teknik pembelajaran dan hafazan yang diterapkan di pusat-pusat atau sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia masih banyak menggunakan teknik tradisional. Bagaimanapun elemen pembelajaran berasaskan VARK ada diterapkan tetapi lebih tertumpu kepada mod pembelajaran auditori dan mod pembelajaran membaca atau menulis. Sedangkan teknik pembelajaran dan hafazan dalam mod pembelajaran visual dan kinestetik kurang atau tidak diterapkan sama sekali. Justeru itu, dicadangkan kepada pusat-pusat tahfiz dan sekolah-sekolah tahfiz agar mempelbagaikan dan menyesuaikan teknik pembelajaran dan penghafazan al-Quran mengikut kecenderungan mod pembelajaran pelajar sama ada visual, auditori, membaca/menulis ataupun kinestetik. Ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara langsung dengan bebas menggunakan kemampuan yang dimilikinya bagi mencapai tahap hafazan yang optimum selain memberikan pengalaman pembelajaran yang dapat mengembangkan potensi diri pelajar.

Implikasi Kajian

Hasil dapatan yang diperoleh daripada tinjauan awal terhadap penerapan elemen pembelajaran VARK ini dapat digunapakai dalam meneruskan kajian susulan untuk memahami lebih mendalam pengaplikasian kaedah VARK dalam meningkatkan proses penghafazan ayat-ayat Al-Quran di pusat-pusat dan sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan kesedaran bahawa terdapat beberapa batasan dalam reka bentuk kajian yang digunakan. Dalam fasa kajian awal ini, penyelidik hanya menumpukan kepada data pada kajian-kajian lepas sebelum membuat kajian yang selanjutnya di lapangan. Terdapat beberapa limitasi yang perlu dinyatakan. Pertama, data untuk kajian adalah terhad kerana penyelidik hanya tertumpu kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan di pusat atau sekolah tahfiz. Oleh itu, data yang dianalisa tidak menyeluruh kepada semua pusat atau sekolah tahfiz yang beroperasi di dalam Malaysia. Pusat atau sekolah tahfiz yang dianalisa hanya tertumpu kepada beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Johor. Adalah perlu, untuk penyelidik mempunyai data yang besar merangkumi pusat atau sekolah tahfiz di negeri-negeri lain kerana kebarangkalian strategi VARK ada diimplentasi. Kedua, kajian-kajian lepas yang dilakukan ke atas pusat atau sekolah tahfiz tidak semuanya melihat kepada teknik pembelajaran khususnya mengkaji strategi VARK. Oleh itu, teknik pembelajaran yang dianalisa dari pusat atau sekolah tahfiz tidak secara jelas menyatakan teknik pembelajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran penghafazan Al-Quran diambil dari strategi VARK. Namun begitu, penyelidik cuba mengklasifikasikan teknik yang diguna di pusat atau sekolah tahfiz dalam kajian lepas berdasarkan strategi VARK. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh

digeneralisasikan dan segala dapatan berkemungkinan bermanfaat dalam lingkungan kajian yang mempunyai ciri dan konteks yang sama sahaja.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan penghargaan kepada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) cawangan Labuan yang telah meluluskan dan membiayai penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan penyelidik yang terlibat diatas kerjasama yang diberikan.

Rujukan

- Abdullah Abd. Aziz, Che Ibrahim Abd. Aziz, Abu Hasan Suhaimi, & Sabtu Mahmood. (2021). Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran: Satu Kajian di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal al-Ulwan*, 6(1), 80-94. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/864>
- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad, & Idris Ismail. (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Universiti Teknologi Malaysia. 1–208.
- Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abdul Rahman. (2010). Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba. *Jurnal Teknologi*, 2.
- Abdul Hafiz Hj. Abdullah, & Nur Safazilah Maksom. (2016). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg. Tengah, Kluang. *Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran* (pp. 10-22). Darul Quran Jakim.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnain Zakaria, & Mahiz Spawi. (2017). Pembinaan Modul Pendidikan al-Quran untuk Pelajar Pintar Berbakat: Model Permata Insan. *Journal of Global Bussiness and Social Entrepreneurship*, 1(1), 194-207. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/12478>
- Al-Mosallam, E. A. (2015). Towards Improving Quran Memorization Using Mind Maps. *Proceedings - 2013 Taibah University International Conference on Advances in Information Technology for the Holy Quran and Its Sciences, NOORIC 2013*, 128–132. <https://doi.org/10.1109/NOORIC.2013.36>
- Amran Mat Arriffen, Mohd Isa Hamzah, & Mohd Aderi Che Noh. (n.d.). *Metodologi Pengajaran Hafazan al Quran di Sekolah Tahfiz*. Dimuat turun pada May 15, 2023, https://www.academia.edu/35770693/Metodologi_Pengajaran_al_Quran_di_Sekolah_Tahfiz
- Al-Na`miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldin dan al-Qabisi*. Mohd Ramzi Omar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Armstrong, A. M. (2004). *Instructional Design in the Real World: A View from the Trenches*. United States: Information Science Publishing
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Ab. Halim Jemali, & Aderi Che Noh. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 9-16.
- B. Widharyanto. (2017). *Gaya Belajar Model Vark Dan Implementasinya di Dalam Pembelajaran Keterampilan Berbahasa Indonesia*, International Conference on Education, Language and Arts (ICELA 2017). Dimuat turun dari https://www.researchgate.net/publication/343190928_GAYA_BELAJAR_MODEL_VARK_DAN_IMPLEMENTASINYA_DI_DALAM_PEMBELAJARAN_KETERAMPILAN_BERBAHASA_INDONESIA

- Drago, W. A., & Wagner, R. J. (2004). Vark preferred learning styles and online education. *Management Research News*, 27(7), 1–13. <http://dx.doi.org/10.1108/01409170410784211>
- Fleming, N. D. (2006). *V.A.R.K Visual, Aural/Auditory, Read/Write, Kinesthetic*. New Zealand: Bonwell Green Mountain Falls.
- Hamdan Ismail. (2017, October 5). *Bajet 2018 Dijangka Martabatkan Institusi Tahfiz*. *BERNAMA*. Dimuat turun dari <http://web10.bernama.com/budget2018/newsbm.php?newsid=1397570>
- Hashim, A., & Jemali, M. (2014). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al Qur'an Para Pelajar: A Study on the Relationship between Techniques of Tahfiz Learning and Students' Al Qur'an Memorization Achievement. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 6(2), 15–25. Diambil dari <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1660>
- Mohd Ikram Mohd Nawawi, Mohd Asri Ishak, Abi Syafiq al-Hakim Abd Jabar, & Mohd Hanif Ibrahim. (2019). *Kaedah Hafazan Moden al-Baghdadi: Kajian Keberkesanan*. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies, 400–412. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/e-prosiding/irsyad-2019/table-of-content>
- Mohd Zin, S. M., Azizan, N. I., Ismail, S., & Mansor, F. N. (2021). Pendekatan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Al-Quran Antara Dua Institusi Pra Tahfiz di Selangor: Communication Approach in The Teaching and Learning Memorizing of Al-Quran Between Two Pre-Tahfiz Institutions in Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 74–89. Dimuat turun dari <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/77>
- Muhaidi Mustaffa, Yusof Muhammad Fathi, Mohd Al'ikhsan Ghazali, & Siti Salwa Md Sawari. (2016). Descriptive Qualitative Teaching Method of Memorization in The Institution of Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Condong and the Students' Level of Academic Excellence. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1), 79–85. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n1s1p79>
- Murphy, R. J., Gray, S. A., Straja, S. R., & Bogert, M. C. (2004). Student Learning Preferences and Teaching Implications. *Journal of Dental Education*, 68(8), 859–866. <https://doi.org/10.1002/j.0022-0337.2004.68.8.tb03835.x>
- Nawaz, N., & Jahangir, S. F. (2015). Effects of Memorizing Quran by Heart (Hifz) On Later Academic Achievement. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 3(1), 58–64. <https://doi.org/10.15640/jisc.v3n1a8>
- Norasmah Othman & Mohd. Hasril Amiruddin (2010). Different Perspectives of Learning Styles from VARK Model. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 7. 652–660. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.088>
- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. (2016) *Pembelajaran Al-Quran Berasaskan Teknik dan Gaya Pembelajaran VAK (Visual, Auditori dan Kinestetik)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Seminar Wahyu Asas Tamadun 2015 (Swat2015). Dimuat turun dari https://www.researchgate.net/publication/305492841_PEMBELAJARAN_VAK_VISUAL_AUDITORI_DAN_KINESTETIK
- Nor Musliza Mustafa, Zulkifly Mohd Zaki, Khairul Anuar Mohamad, Mokmin Basri & Sedek Arifin. (2018). Kaedah Hafalan Al-Quran Berasaskan Kecenderungan Gaya Pembelajaran VARK. *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2018)*, 1-10. doi: <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.15097.21605>
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurzatil Ismah Azizan, Safinah Ismail, & Fatin Nazmin Mansor. (2021). Pendekatan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan Al-

- Quran Antara Dua Institusi Pra Tahfiz di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 74-89. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/77>
- Yeni Kurnia (2015). *Penerapan Model Pembelajaran Vak (Visualizatioan Auditory Kinesthetic) Dalam Meningkatkan Hasil Belajar Siswa Kelas III Pada Mata Pelajaran Al Quran Hadits Di Madrasah Ibtidaiyah Assalafiyah Kelurahan Sungai Pinang.Skripsi*. Diploma Thesis, Uin Raden Fatah Palembang.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Firdaus Khairi Abdul Kadir, & Ahmad Faathin Mohd Fadzil. (2020). Aplikasi Model Hafazan al-Qur'an Ulul Albab di Sekolah Imtiaz Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 10-33.
- Zulmiyetri, Z. (2023). Efektivitas Pola Belajar Visual Auditory Kinestetik (VAK) untuk Meningkatkan Kemampuan Terjemahan Al-Quran bagi Anak Berkesulitan Belajar. *Pedagogi: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 23(1).